

# Orang Melayu diingat skim cepat kaya akan musnahkan ekonomi mereka

KOTA BAHARU 29 Sept. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan bahawa skim cepat kaya akan memusnahkan ekonomi orang-orang Melayu dan menjadikan mereka miskin jika semua pihak terus terpedaya dengan pelaburan itu.

Beliau menegaskan, kerajaan sudah memberi ingatan bahawa skim seperti itu akan membawa musibah kepada para pelaburnya tetapi nasihat tersebut tidak diendahkan.

Katanya, jika ramai yang masih terpengaruh dengan skim tersebut, ia lambat laun akan memusnahkan kedudukan kewangan orang Melayu.

Perdana Menteri berkata, beliau mendapat tahu, ramai yang mengeluarkan wang mereka dari simpanan Amanah Saham Nasional (ASN) untuk melabur dalam sistem piramid itu dan kini timbul pula ugutan jika kerajaan tidak berusaha mengembalikan wang yang telah hilang itu, mereka tidak akan mengundi kerajaan.

"Ini bunyinya seperti hendak mengugut, tak adilah berkata demikian kepada kerajaan setelah kerajaan menasihati mereka awal-awal lagi supaya jangan melabur dalam skim seperti itu.

"Sebenarnya inilah akibatnya apabila orang-orang Melayu terlalu ingin hendak cepat kaya dan oleh kerana mahukan imbuhan hari ini juga mereka akhirnya menjadi cepat miskin," katanya di hadapan ribuan masyarakat peniaga Melayu ketika berucap merasmikan mesyuarat agung tahunan Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Negeri Kelantan (DPPMNK) di sini petang ini."

Perdana Menteri menegaskan, seperti kata pepatah Cina, perjalanan seribu langkah bermula dari selangkah perlu menjadi amalan masyarakat peniaga Melayu yang hendak berjaya.

Beliau berkata, kerajaan mengakui telah melakukan kesilapan apabila ia menganjurkan peniaga-peniaga Melayu supaya berfikir 'besar' tetapi tidak memberi amaran bahawa ia juga boleh membawa kepada kerugian yang besar.

Kata Dato' Sri Dr. Mahathir, konsep tersebut telah disalahtafsirkan oleh peniaga Melayu sehinggalah mereka membuat pinjaman yang besar tetapi kemudiannya mendapati gagal mengurus-

kan perniagaan dengan sempurna kerana tiada pengalaman.

Sikap hendak bermula dari yang besar-besar sahaja katanya telah menyebabkan masyarakat Melayu lupa akan hakikat bahawa mereka perlu bermula secara kecil-kecilan terlebih dahulu.

Kata beliau sebab itulah apabila skim cepat kaya ini menjadi satu wabak baru, ramai yang terpengaruh kerana inginkan imbuhan secara mendadak tanpa mahu memikirkan risikonya.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, apa yang merunsingkan kerajaan ialah ramai kakitangannya yang terlibat dengan skim cepat kaya dan kini mereka tidak boleh menumpukan perhatian kepada kerja masing-masing setelah kerugian besar.

"Saya hairan bagaimana seorang pegawai kerajaan yang berpelajaran tinggi tidak boleh berfikir panjang bahawa pelaburan \$1 boleh menjadi beribu ringgit dalam masa beberapa hari sedangkan secara logiknya ia tidak masuk akal," ujar beliau.

Tambah beliau lagi, kini apabila keadaan tersepit masing-masing mulalah meletakkan kesalahan di bahu kerajaan sedangkan mereka lupa sewaktu hendak melabur dahulu, mereka tidak berfikir panjang dan tidak mahu mendengar nasihat kerajaan.

Soalnya kata Perdana Menteri, bukanlah kerajaan tidak memberi nasihat kerana sebenarnya dalam apa jua pekerjaan tiada jalan singkat untuk mencapai kesenangan.

Beliau juga berkata, masyarakat peniaga Melayu harus pandai mengagih-agihkan bidang perniagaan mereka dan mengembangkannya seperti mana yang berjaya dilakukan oleh pengeluar Kentucky Fried Chicken.

Katanya, perusahaan batik umpamanya gagal berkembang ke seluruh dunia kerana pelukis-pelukis batik gagal mencari peluang di pasaran yang lebih luas sedangkan permintaan di luar negeri cukup banyak.

"Oleh itu untuk mencapai kejayaan, orang-orang Melayu mestilah mendisiplinkan diri mereka dan mengawal nafsu mereka dan hanya dengan cara itu sahaja mereka akan mencapai kejayaan," katanya.